

23 OCT 2003

Kayveas-PPP

10,000 ANGGOTA PPP DIJANGKA HADIR PERHIMPUNAN AGUNG AHAD INI

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk (PPP) ke-50 yang dijadualkan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Ahad ini dijangka dihadiri lebih 10,000 anggota parti.

Presiden PPP Datuk M. Kayveas berkata, seramai 6,000 perwakilan dan 4,000 pemerhati dari seluruh negara dijangka hadir pada perhimpunan itu.

Perhimpunan agung itu akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad buat kali terakhir selaku Presiden Barisan Nasional (BN).

"Dr Mahathir juga akan menyampaikan ucapan terakhirnya kepada semua anggota parti yang hadir. Yang turut menghadiri perhimpunan itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pemimpin-pemimpin daripada parti komponen BN," katanya kepada Bernama selepas merakamkan ucapan Selamat Hari Deepavali di studio Bernama-TV di sini hari ini.

Kayveas yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, beberapa usul seperti gejala sosial, pendidikan, gangsterisma di sekolah, isu wanita dan keluarga serta isu berkaitan pekerja asing dan warganegara yang memegang kad pengenalan berwarna merah akan dibincangkan pada perhimpunan itu.

Beliau berkata, PPP juga akan membuat pindaan perlembagaan parti bagi memastikan semua anggotanya adalah pengundi dan mereka yang tidak mendaftar sebagai pengundi tidak dibenarkan menyertai parti itu, katanya.

Katanya, pindaan itu dibuat bertujuan memastikan bahawa semua anggota baru parti secara automatik akan menjadi pengundi dan juga meningkatkan usaha menambah jumlah anggota parti itu.

PPP pada masa ini mempunyai kira-kira 400,000 anggota yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara ini dan daripada jumlah itu 90 peratus telah mendaftar sebagai pengundi.

Kayveas berkata, melalui pendekatan baru itu, PPP berharap dapat menyumbangkan anggota parti yang boleh mengundi kepada BN selain menambahkan keanggotaan parti itu sehingga 500,000 orang.

-- BERNAMA

NER AHH BK